

Khalid sahkan menghadap Sultan Selangor, ulang pendirian tidak akan letak jawatan
Astro Awani
7 Mac, 2014

KUALA LUMPUR: Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim hari ini mengesahkan beliau telah menghadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan memaklumkan pendiriannya untuk tidak melepaskan jawatan yang disandangnya.

Abdul Khalid turut mengakui sudah menyatakan pendiriannya untuk kekal sebagai menteri besar Selangor kepada barisan exconya.

"Saya memaklumkan kepada Sultan Selangor dan barisan exco mengenai tindakan saya," katanya pada sidang media selepas program bersama rakyat Selangor di Dewan Taman Mesra Kajang, Selangor.

Spekulasi mengenai kedudukan Abdul Khalid sebagai menteri besar mula tersebar sejak awal Februari lalu ketika isu mengenai penyingkiran Timbalan Presiden PKR, Mohd Azmin Ali sebagai anggota lembaga pengarah Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Peletakan jawatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Lee Chin Cheh dan keputusan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim bertanding di Kajang mengesahkan lagi spekulasi Abdul Khalid akan disingkirkan.

Minggu lalu, Khalid mengumumkan akan bertanding jawatan timbalan presiden PRK dalam pemilihan parti itu April nanti.

Cakap-cakap menyatakan keputusan beliau bertanding itu adalah untuk memberi amaran kepada pimpinan parti bahawa beliau tidak akan berundur daripada pentadbiran kerajaan negeri Selangor.

Khalid juga sekali lagi menegaskan tidak akan menandatangani surat peletakan jawatan biarpun dipaksa untuk berbuat demikian.

"Tidak. Saya tidak akan tandatangan (jika) ada surat untuk saya meletakkan jawatan sampai ke pejabat saya.

"Saya tidak pernah melihat kalau betul saya tandatangan surat tersebut barisan exco pasti sudah dimaklumkan dulu," katanya.

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/khalid-sahkan-menghadap-sultan-selangor-ulang-pendirian-tidak-akan-letak-jawatan-31406?cp>